

**POLITIK DAN PEMILIKAN MEDIA : SATU ANALISIS  
KANDUNGAN LIPUTAN ISU PENGAMBILALIHAN  
AKHBAR NANYANG SIANG PAU DAN CHINA PRESS  
OLEH PARTI POLITIK MCA**

Oleh

**NG SIEW YEN**

Disertasi ini diserahkan untuk memenuhi sebahagian daripada keperluan  
bagi Ijazah Sarjana Sastera (Komunikasi)

Mei 2003

## PENGHARGAAN

Akhirnya disertasi ini dapat disiapkan dalam masa yang ditetapkan walaupun telah dibebani dengan pelbagai tanggungjawab, penukaran kerja yang baru, persiapan perkahwinan dan sebagainya yang telah menyebabkan tugas ini tidak dapat dijalankan dengan lancar di sepanjang tempoh masa ini.

Di sini, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menunjukkan penghargaan saya kepada penyelia disertasi ini, Prof. Madya En. Zaharom Nain yang sentiasa memimpin bagaimana untuk menulis disertasi yang mencapai standard Sarjana dengan komen-komen yang bersifat kritikal dan tajam. Tidak lupa juga mengucapkan terima kasih kepada para pensyarah yang telah mengajar dalam kursus ini seperti Prof. Ramli, Dr. Khor Yoke Lim dan semua pensyarah serta staf-staf pentadbiran di Pusat pengajian Komunikasi.

Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada keluarga saya dan suami saya, Keat yang sentiasa menghulurkan bantuan dan sokongan apabila diperlukan. Tanpa motivasi dan sokongan peribadi yang diberikan, saya tidak mungkin dapat menyiapkan disertasi ini dengan sepenuh hati dan menepati masa yang ditetapkan.

Akhirnya, terima kasih juga kepada semua pihak yang telah membantu dalam disertasi ini sama ada secara langsung atau tidak. Jasa baik semua akan sentiasa dikenangi.

## ABSTRAK

‘Kebebasan akhbar’ dan ‘tanggungjawab’ merupakan dua objektif yang seharusnya diamalkan oleh media akhbar, iaitu dengan melaporkan berita-berita yang berfakta, adil dan benar untuk pengetahuan masyarakat. Tetapi apabila kita meninjau dari segi perkembangan sistem akhbar di negara ini, nyata adalah semakin sukar bagi media akhbar tempatan untuk mengimplementasikan kedua-dua objektif ini terutamanya pemilikannya terletak dalam tangan parti politik, lebih-lebih lagi parti pemerintah yang kini telah mendominasi industri akhbar tempatan. Hubungan antara kuasa parti pemerintah dan media akhbar menjadi semakin intim sehingga parti pemerintah berupaya mengawal akhbar supaya hanya berita-berita yang baik tentang partinya akan dipaparkan. Pendominasian ini telah menyedarkan sesetengah masyarakat tentang pentingnya untuk mempertahankan kebebasan akhbar. Maka, suara bantahan semakin didengari apabila lebih banyak akhbar telah diambil alih oleh parti pemerintah.

Dalam isu pengambilalihan akhbar Nanyang Siang Pau dan China Press oleh parti MCA, ramai masyarakat Cina yang telah menunjukkan suara bantahan mereka kerana sebelum ini, tiada satu akhbar Cina yang pernah dimiliki secara langsung oleh parti politik. Masyarakat Cina mempercayai bahawa pengambilalihan ini sememangnya akan menyebabkan kebebasan akhbar yang ada akan semakin disekat oleh parti pemerintah dan akhirnya hanya berfungsi sebagai ‘akhbar partinya’. Maka, menerusi kaedah analisis kandungan, kajian ini cuba meninjau bagaimanakah reaksi akhbar-akhbar tempatan yang berlainan pemilikan terhadap isu ini berdasarkan laporan berita yang dipaparkan. Kajian ini juga bertujuan untuk melanjutkan kajian-kajian lepas sama ada hubungan kuasa politik dengan pemilikan sesebuah akhbar dapat mempengaruhi cara pemaparan liputan berita dalam akhbar yang dimilikinya.

## ABSTRACT

'Press freedom' and 'responsibility' are the two important objectives that the press industries should always emphasize on reporting the news with facts, fair and truly to the society. Unfortunately, looking at the rapid changes in our press industry nowadays, the press seems to have encountered some obstacles in implementing these objectives especially when the control of the press is in the hands of the ruling parties. Over the past 40 years, the relationship between the power of the ruling parties and the control of the media has been tightened to the extent that the ruling parties have the power to control the news in the press. People have begun to realise the importance of press freedom after the domination of the ruling parties over the press industries. Thus, voices of objection are being raised within the society when more newspapers are taken over by the ruling parties.

In the case of the Nanyang takeover by MCA, much of Chinese society has voiced objections as the Chinese press apparently was never owned by any political parties. Chinese society believes that press freedom will not exist anymore once the press is owned by the ruling parties. Through an analysis of newspaper content, this dissertation tries to explore what are the reactions of the local press towards this issue by looking at how they reported this issue in their newspapers. This research will further attempts to see whether the relationship between political parties and press ownership will affect the ways of news reporting in their press as shown in other research.

## **JADUAL KANDUNGAN**

<b>Penghargaan</b>	ii
<b>Abstrak</b>	iii
<b>Abstract</b>	iv
<b>Jadual Kandungan</b>	v
<b>Senarai Jadual</b>	vii
<b>Senarai Rajah</b>	viii
<b>BAB 1 PENGENALAN</b>	1
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Permasalahan Kajian	4
1.3 Objektif Kajian	9
1.4 Kepentingan Kajian	10
1.5 Skop Kajian	11
1.6 Hipotesis-Hipotesis Kajian	12
<b>BAB 2 KERANGKA TEORITIKAL</b>	13
2.1 Pendekatan Ekonomi-Politik	13
2.2 Kaitan antara kuasa negara dengan media	18
2.3 Kajian-kajian lepas	22
• Kajian terhadap Pilihanraya 1959 & 1964	22
• Kajian Terhadap Pilihanraya 1986	24
• Kajian Terhadap Pilihanraya 1990	25
• Kajian Terhadap Pilihanraya 1999	27
<b>BAB 3 PERKEMBANGAN SISTEM AKHBAR DI MALAYSIA</b>	29
3.1 Asal-usul kewujudan akhbar-akhbar berlainan bahasa di Malaysia	29
3.2 Sejarah dan perkembangan akhbar-akhbar Cina di Malaysia	40
• Akhbar <i>Kwong Wah Yit Poh</i>	40
• Akhbar <i>Nanyang Siang Pau</i>	42
• Akhbar <i>Sin Chew Jit Poh</i>	44
• Akhbar <i>China Press</i>	45
• Akhbar <i>Guang Min Daily</i>	46
3.3 Kaitan Pemilikan Akhbar dengan Parti-parti Politik di Malaysia	49
3.4 Kawalan Undang-undang terhadap Media	56

<b>BAB 4 METODOLOGI KAJIAN</b>	<b>63</b>
4.1 Langkah-langkah Analisis Kandungan	66
4.1.1 Definisi Permasalahan	66
4.1.2 Pemilihan Media dan Sampel	67
4.1.3 Pengkategorian	68
4.1.4 Pendefinisian Terhadap Kategori yang Dianalisis	69
4.1.5 Pembinaan Jadual Pengkodan	74
4.1.6 Menjalankan Prauji ke atas Jadual Pengkodan dan Menyemak Kebolehpercayaan ( <i>Reliability</i> )	74
4.1.7 Penyediaan Data dan Analisis	75
<b>BAB 5 PENEMUAN DAN ANALISIS DATA</b>	<b>76</b>
5.1 Bilangan Artikel	76
5.2 Tajuk Berita	78
5.3 Jenis Klasifikasi Berita	87
5.4 Fokus gambar foto	88
5.5 Saiz Ruangan Artikel	90
5.6 Sumber berita	92
5.6.1 Jenis Sumber	92
5.6.2 Konteks Sumber	95
5.6.3 Sifat Kandungan sumber	97
5.7 Arah Pemberitaan	99
5.8 Analisis Kandungan Berita yang dipaparkan tentang isu pengambilalihan	101
5.9 Rumusan	104
<b>BAB 6 KESIMPULAN DAN SARANAN</b>	<b>108</b>
6.1 Kesimpulan	108
6.2 Saranan/Cadangan	113
<b>BIBLIOGRAFI</b>	<b>115</b>
<b>LAMPIRAN 1 Jadual Pengkodan</b>	<b>120</b>

## SENARAI JADUAL

Jadual 5.1	Jumlah Berita tentang Isu Pengambilalihan dalam 5 media akhbar (29 Mei-31 Jun 2001)	77
Jadual 5.2	Perbandingan Purata Harian Kekerapan bagi Kecenderungan tajuk berita tentang isu pengambilalihan dalam 5 media akhbar tempatan	80
Jadual 5.3	Kronologi tajuk berita berdasarkan kecenderungannya terhadap pengambilalihan ini	81
Jadual 5.4	Perbandingan Purata Harian Kekerapan bagi Jenis Klasifikasi Berita tentang Isu Pengambilalihan dalam 5 media akhbar tempatan	87
Jadual 5.5	Perbandingan Purata Harian Kekerapan bagi Fokus Gambar Foto tentang Isu Pengambilalihan dalam 4 media akhbar tempatan	89
Jadual 5.6	Perbandingan Purata Harian Kekerapan bagi Saiz Ruangan Artikel tentang Isu Pengambilalihan dalam 4 media akhbar tempatan	91
Jadual 5.7	Perbandingan Purata Harian Kekerapan bagi Jenis Sumber tentang Isu Pengambilalihan dalam 5 media akhbar tempatan	94
Jadual 5.8	Perbandingan Purata Harian Kekerapan bagi Konteks Sumber tentang Isu Pengambilalihan dalam 5 media akhbar tempatan	96
Jadual 5.9	Perbandingan Purata Harian Kekerapan bagi Sifat Kandungan Sumber tentang Isu Pengambilalihan dalam 5 media akhbar tempatan	98
Jadual 5.10	Perbandingan Purata Harian Kekerapan bagi Arah Pemberitaan tentang Isu Pengambilalihan dalam 5 media akhbar tempatan	100
Jadual 5.11	Perbandingan Jumlah Jualan bagi 5 akhbar Cina yang utama di Malaysia	113

## **SENARAI RAJAH**

Rajah 3.1	Struktur Korporat NSTP (1992)	51
Rajah 3.2	Struktur MRCB berkenaan NSTP dan TV3 (31 Ogos 1993)	52
Rajah 3.3	Lima pemegang saham terbesar bagi NSTP (1995)	52
Rajah 3.4	Lima pemegang saham terbesar bagi Utusan Melayu (M) (1996)	54
Rajah 3.5	Penglibatan NSTP (1995) dan Utusan Melayu (1996) dalam industri media	55
Rajah 5.1	Perbandingan jumlah bilangan artikel dalam 5 media akhbar tempatan terhadap isu pengambilalihan akhbar Nanyang Press oleh MCA	78
Rajah 5.2	Perbandingan kecenderungan tajuk berita dalam 5 media akhbar tempatan terhadap isu pengambilalihan akhbar Nanyang Press oleh MCA	79
Rajah 5.3	Perbandingan jenis klasifikasi berita dalam 5 media akhbar tempatan terhadap isu pengambilalihan akhbar Nanyang Press oleh MCA	88
Rajah 5.4	Perbandingan fokus gambar foto dalam 5 media akhbar tempatan terhadap isu pengambilalihan akhbar Nanyang Press oleh MCA	90
Rajah 5.5	Perbandingan saiz ruangan artikel dalam 5 media akhbar tempatan terhadap isu pengambilalihan akhbar Nanyang Press oleh MCA	92
Rajah 5.6	Perbandingan jenis sumber dalam 5 media akhbar tempatan terhadap isu pengambilalihan akhbar Nanyang Press oleh MCA	94
Rajah 5.7	Perbandingan konteks sumber dalam 5 media akhbar tempatan terhadap isu pengambilalihan akhbar Nanyang Press oleh MCA	96
Rajah 5.8	Perbandingan sifat kandungan sumber dalam 5 media akhbar tempatan terhadap isu pengambilalihan akhbar Nanyang Press oleh MCA	98
Rajah 5.9	Perbandingan arah pemberitaan dalam 5 media akhbar tempatan terhadap isu pengambilalihan akhbar Nanyang Press oleh MCA	100

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.1 Latar Belakang Kajian**

Isu pengambilalihan akhbar *Nanyang Siang Pau* (NYSP) dan *China Press* oleh Parti MCA mula dipersoalkan oleh ramai masyarakat Cina sejak bulan Mei 2001. Parti MCA, menerusi Huaren Holding Sdn Bhd, telah memiliki sebanyak 72.32 % daripada saham Nanyang Press. Tarikh 28 Mei 2001 menurut segelintir masyarakat Cina adalah hari yang paling ‘menyedihkan’ bagi industri akhbar-akhbar Cina tempatan. Pada hari itu, lebih kurang 300 orang, termasuk pekerja-pekerja di NYSP dan China Press, ahli-ahli NGO serta pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi telah mengadakan demonstrasi di depan bangunan MCA dengan memakai ribbon kuning untuk menunjukkan bantahan mereka terhadap pengambilalihan kedua-dua akhbar oleh parti MCA.

Pada malam tersebut, terdapat perubahan yang mendadak di bahagian pengurusan bagi kedua-dua akhbar tersebut. Seramai 10 orang pekerja atasan termasuklah pengarah pengurusan, ketua editor dan ketua wartawan di kedua-dua akhbar tersebut telah dinasihatkan untuk meletak jawatan dan digantikan dengan pekerja-pekerja dari akhbar-akhbar lain yang dipilih dan dilantik oleh pemimpin Parti MCA sendiri. Perubahan yang mendadak ini telah menimbulkan kemarahan dan perasaan ketidakadilan di kalangan pekerja-pekerja yang berkhidmat di kedua-dua akhbar tersebut (*Nanyang Siang Pau*, 29/5/2001).

Oleh sebab isu ini telah diiaporkan secara meluas dalam akhbar-akhbar tempatan, ramai masyarakat Cina mula sedar akan krisis yang akan wujud akibat pengambilalihan ini dan telah menunjukkan reaksi mereka yang lebih bersifat bantahan terhadap isu ini. Disebabkan perasaan keimbangan kedua-dua akhbar akan menjadi akhbar ‘parti politik’ serta kebebasan bersuara dalam akhbar tersebut, banyak pihak masyarakat Cina termasuk parti-parti pembangkang dan kesatuan-kesatuan Cina tempatan telah menunjukkan bantahan mereka terhadap pengambilalihan ini. Seramai 80 orang pengarang yang sebelumnya menulis artikel untuk kedua-dua akhbar juga berhenti membekalkan karya mereka demi menyokong bantahan.

Ada juga persatuan perniagaan Cina yang menunjukkan keinginan untuk berunding dengan *Hong Leong Group* untuk membeli kedua-dua akhbar tersebut daripada jatuh ke tangan Parti MCA. Walaupun Persatuan Perniagaan Cina Malaysia pernah mengemukakan surat bantahan kepada perdana menteri, tetapi Dr Mahathir telah menunjukkan pendirian beliau yang tidak akan ‘mencampur tangan’ dalam isu ini (*Kwong Wah Yit Poh*, 3/6/2001).

Apa yang aneh tentang isu ini ialah terdapat sebahagian daripada ahli-ahli Exco MCA sendiri yang tidak menyokong pengambilalihan ini walaupun ketua MCA, Ling Liong Sik, pernah mengatakan pengambilalihan ini telah mendapat persetujuan daripada majoriti ahli-ahli Exco dalam parti. Antaranya termasuk Lim Ah Lek, Chua Jui Meng, Chan Kong Choy dan Ong Tee Kiat. Seramai 8 orang pemimpin MCA telah mengadakan ceramah terbuka di seluruh negara untuk memberi penjelasan

mengapa mereka membantah pengambilalihan ini serta untuk mendapat sokongan daripada rakyat.

Dalam menghadapi bantahan ini, Ling Liang Sik pernah menjelaskan menerusi akhbar bahawa pengambilalihan akhbar ini hanya untuk menyelamatkan akhbar tersebut daripada krisis ekonomi dan beliau menjamin bahawa lidah pengarang dan operasi harian kedua-dua akhbar akan dikekalkan dalam ‘keadaan yang asal’ (*Nanyang Siang Pau*, 10/6/2001). Namun demikian, masih terdapat ramai masyarakat Cina yang mencurigai penjelasan beliau masih menunjukkan bantahan mereka. Akibat desakan ini, Ling mengumumkan Parti MCA akan mengadakan ‘Mesyuarat Agung Luar Biasa’ (EGM) untuk mendapat pengundian daripada ahli-ahli dalam parti untuk menunjukkan majoriti ahli-ahli dalam parti menyokong tentang pengambilalihan ini .

Pada 24 June 2001, keputusan dalam mesyuarat EGM telah menunjukkan sebanyak 53% daripada ahli-ahli MCA yang bersetuju dengan pengambilalihan ini. Walaupun pengambilalihan ini sudah menjadi kenyataan, namun masih terdapat sesetengah masyarakat Cina yang merasakan pengundian ini adalah tidak sah dan tidak boleh mewakili sokongan daripada ahli-ahlinya. Banyak pihak masyarakat Cina akan memberi perhatian kepada kedua-dua akhbar sama ada jaminan Dr Ling terhadap kedua-dua akhbar tersebut akan ditunaikan pada masa depan.

## **1.2 Permasalahan Kajian**

Sebagai salah satu media massa yang dapat menyampaikan maklumat terkini kepada masyarakat, peranan dan tanggungjawab akhbar seharusnya mengutamakan kepentingan masyarakat. Liputan berita yang dikumpulkan sepatutnya merupakan berita yang berfakta, adil, objektif dan tidak memihak kepada mana-mana pihak dalam masyarakat. Akhbar seharusnya bebas untuk menyuarakan pandangan masyarakat tanpa dipengaruhi oleh kerajaan maupun pengaruh luaran. Namun apa yang dapat dilihat dalam industri akhbar tempatan sehingga kini ialah masih terdapat sesetengah pihak khususnya parti pemerintah yang ingin menguasai akhbar untuk kepentingan politik.

Menurut Mustafa K. Anuar (2000), sejak zaman jajahan British lagi, akhbar-akhbar telah disekat dengan perlesenan dan pelbagai penapisan oleh penajah British untuk tujuan kepentingan politik dan juga ekonomi. Pengawalan ini telah berlanjut sehingga berlakunya akhbar tempatan yang pertamanya, Utusan Melayu, telah dimiliki oleh parti pemerintah iaitu UMNO pada tahun 1961. UMNO berjaya mengambil alih akhbar tersebut walaupun terdapat bantahan di kalangan wartawan tempatan.

Sehingga kini, pemilikan ini masih berterusan di negara kita kerana golongan pemerintah mempercayai akhbar masih merupakan ‘senjata’ yang amat berguna dan berkesan untuk menyebarkan ideologi dan propaganda tertentu kepada masyarakat umum. Di sini, wujudnya kuasa politik yang telah mendominasi akhbar-akhbar

dengan memberi liputan yang lebih menyokong parti pemerintah dan memberi liputan yang negatif terhadap parti pembangkang.

Terdapat 3 cara untuk memanipulasi media oleh parti pemerintah iaitu melalui pemilikan, perundangan dan juga batasan kewartawanan (K.Das, 1990). Pemilikan merupakan satu cara yang paling mudah untuk mengawal media. Hal ini dapat dibuktikan jika kita lihat bahawa sehingga sekarang industri akhbar di negara kita, hampir semuanya dimiliki oleh parti-parti politik kerajaan (ET Gomez, 1990). Bahagian ini akan dibincangkan dengan lebih lanjut dalam bab yang seterusnya.

Walaupun wujudnya media-media alternatif seperti majalah *Aliran*, *Detik*, *Esklusif* dan *Harakah* yang cuba memberi laporan berita yang lebih kritikal, namun kebebasan bersuara mereka masih mempunyai batasan dan kawalan dengan adanya peggunaan akta-akta kerajaan seperti Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1987, Akta Rahsia Rasmi yang digunakan oleh pemerintah untuk mengawasi penerbitan khususnya untuk media alternatif.

Salah satu contoh yang dapat dilihat ialah semasa Operasi Lallang pada tahun 1987 dimana 3 buah akhbar tempatan iaitu *The Star*, *Sin Chew Jit Pok* dan *Watan* telah digantung penerbitannya kerana disyaki melaporkan berita-berita yang dikatakan bertentangan dengan Akta serta boleh mengakibatkan huru-hara dalam negara. Terdapat lebih daripada 100 orang yang terdiri daripada ahli akademik, parti pembangkang, ahli penegak kebebasan ditangkap di bawah akta ISA. Ini menunjukkan walaupun terdapat akhbar-akhbar aliran utama yang cuba melaporkan

berita yang difikirkan patut diketahui umum pada masa itu, namun penerbitan ini telah dikawal dan dihadkan oleh parti pemerintah (Mustafa ,1990)

Begitu juga pada beberapa tahun kebelakangan ini, didapati Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah mengarahkan majalah *Harakah* supaya mengurangkan bilangan penerbitannya daripada lapan kali kepada dua kali sebulan serta tidak boleh dijual di tempat awam selepas Pilihanraya Raya Umum 1999. (*Malaysiakini.com*, 23,25 & 26 Dis 1999 & 4 Jan 2000). Malahan pengarang dan pencetak *Harakah*, iaitu Zulkifli Sulong dan Chea Lim Thye, masing-masing telah ditahan dan didakwa di bawah Akta Hasutan 1948, pindaan 1971, Seksyen 4 (1) (C) di samping penahanan beberapa orang pemimpin pembangkang termasuklah Karpal Singh, Naib Pengurus DAP, Marina Yusof dan Ketua Pemuda Parti Keadilan Nasional (PKN), Mohd Ezam M. Noor di bawah Akta ini dan Akta Rahsia Rasmi pada 12 January 2000 (*Malaysiakini.com*, 15/16 Jan 2000).

Di sini, apa yang dapat dilihat ialah akhbar-akhbar di negara kita masih menghadapi krisis identiti yang berkaitan dengan peranan dan tanggungjawab mereka kepada pembaca dan masyarakat. Tanggungjawab dan kebebasan akhbar telah ditakrif, dipandu dan ditetapkan oleh kerajaan dan bukan oleh pembaca dan masyarakat umum(Zaharom & Ramli, 1989 : 134).

Mengikut pandangan John Fiske (1992), salah satu langkah parti pemerintah untuk mengukuhkan kepentingan mereka ialah dengan mengawal laporan berita yang disiarkan menerusi media massa. Keadaan ini telah menghasilkan satu

ketidakseimbangan dan ketidakadilan dalam membuat liputan berita. Masyarakat umum dikatakan telah menerima maklumat dan berita-berita yang telah ditapis oleh golongan ini dengan secara semula jadi tanpa mempersoalkannya.

Chandra Muzaffar, Pengurus ‘*Just World Trust*’ juga berpendapat tidak ada harapan bagi kebebasan akhbar di negara ini kerana peranan tokoh pemimpin media dihubungkan dengan golongan elit pemerintah dan mereka tidak berminat untuk mempertahankan idealisme dalam arena kewartawanan. (Yassin, 1998).

Walaupun terdapat pelbagai kajian yang telah dilakukan dalam mengkaji ketidakseimbangan liputan berita dalam akhbar yang disebabkan oleh faktor pemilikan dan pengawalan khususnya berkenaan dengan isu pilihanraya, namun jarang kajian yang telah dijalankan tentang pemilikan ini dengan melihat isu pengambilalihan sesuatu akhbar oleh parti politik sehingga berlakunya pengambilalihan akhbar *Nanyang Siang Pau* dan *China Press* oleh Parti MCA yang telah mendapat liputan berita yang meluasnya dalam akhbar-akhbar tempatan, terutamanya akhbar-akhbar Cina.

Sebelum ini , boleh dikatakan tiada satu akhbar Cina yang dimiliki secara langsung oleh parti pemerintah walaupun kedua-dua pemilik akhbar Cina yang terbesar di Malaysia iaitu Tiong Hiew King dan Quek Leng Chan dikatakan mempunyai hubungan baik dengan pemimpin parti pemerintah. Sebelum pengambilalihan ini, masyarakat Cina menganggap akhbar Cina sebagai saluran utama untuk mendapat sebarang maklumat yang perlu diketahui dan membaca akhbar

Cina sudah menjadi sebahagian daripada kehidupan seharian mereka. Keadaan ini telah berubah setelah adanya pengambilalihan 2 akhbar Cina ini oleh MCA. Jika meninjau dari segi latar belakang dan sejarah perkembangan masyarakat Cina di Malaysia, terdapat beberapa sebab yang mungkin menyebabkan mereka membantah pengambilalihan ini. Pertama, generasi muda yang berintelek memang sedar bahwa pengambilalihan ini bukan sahaja akan lebih menyekat lagi kebebasan akhbar yang wujud malahan juga akan menjadi akhbar parti seperti akhbar-akhbar aliran utama yang lain. Kedua, Masyarakat Cina juga bimbang kedua-dua akhbar Cina yang diambilalih akhirnya akan mengikuti jejak akhbar “*TungBao*” dan “*Sin Min Daily*” yang pernah dimiliki oleh MCA, iaitu terpaksa diberhentikan. Akhbar Cina bagi masyarakat Cina sebenarnya bukan sahaja berperanan sebagai pembekal maklumat tetapi juga bertanggungjawab sebagai penyambung budaya Cina. (Chang Teck Peng, 2000, ms 182-183)

Di sini, apa yang harus kita pertikaikan ialah motif sebenar MCA untuk mengambilalih kedua-dua akhbar Cina ini walaupun terdapat banyak pihak masyarakat telah menunjukkan bantahan terhadap tindakan mereka. Adakah parti ini sedari bahawa tindakan ini kemungkinan besar tidak akan mendatangkan sebarang kebaikan kepada parti malahan akan semakin mengurangkan sokongan daripada rakyat Cina?

Dalam hal ini, pengambilalihan ini dikatakan bukan hanya satu urusan perniagaan semata-mata, tetapi ia juga mempunyai motif politik di mana MCA ingin menggunakan akhbar ini untuk membentuk pendapat umum di kalangan masyarakat

Cina dan juga untuk memperbaiki segala kelemahan yang telah dilakukan oleh parti pemerintah dari segi polisi dan kenyataan yang berkontroversi. Mengikut Francis Loh (*Aliran* 21(5):4), pertentangan antara dua kumpulan dalam parti MCA mengenai pengambilalihan ini sebenarnya berkemungkinan berkaitan dengan isu pemilihan jawatan tinggi dalam parti ini semasa pilihanraya 1999 serta pengumuman tentang keinginan Ling untuk meletak jawatan pada May 2000. Loh berpendapat pengambilalihan ini telah memberikan satu kesan yang signifikan bagi kumpulan anti-Ling untuk memberi cabaran secara terbuka dan sah. Pengambilalihan ini dikatakan telah mengurangkan lagi ruangan untuk melaporkan berita yang lebih kritikal (*Aliran*:21(5), Pg5).

Oleh itu, jika meninjau dari segi pengambilalihan ini, persoalan yang ingin dikaji ialah :

- i. Bagaimanakah pengambilalihan ini dipaparkan oleh akhbar-akhbar yang dimiliki oleh parti MCA ?
- ii. Bagaimanakah pengambilalihan ini dipaparkan oleh akhbar Cina lain yang tidak dimiliki oleh parti MCA?
- iii. Adakah akhbar-akhbar yang dimiliki oleh parti politik kerajaan juga menyokong pengambilalihan ini?
- iv. Bagaimana pula liputan media alternatif tentang pengambilalihan ini?

### 1.3 . Objektif Kajian

Secara amnya, kajian ini bertujuan untuk melanjutkan kajian-kajian lepas tentang sama ada hubungan antara kuasa politik dengan pemilikan sesebuah akhbar

mempengaruhi cara pemaparan liputan beritanya khususnya berita yang menyentuh tentang kepentingan masyarakat.

Objektif khusus kajian ini ialah :

- i) Untuk melihat sama ada akhbar-akhbar yang dimiliki oleh parti MCA menyokong pengambilalihan pemilikan akhbar Nanyang Siang Pau dan China Press.
- ii) Untuk melihat reaksi akhbar Cina lain yang tidak dimiliki oleh parti MCA berkenaan dengan pengambilalihan ini.
- iii) Untuk meninjau sama ada akhbar-akhbar yang dimiliki oleh komponen lain parti pemerintah juga menyokong pengambilalihan ini.
- iv) Untuk meninjau pandangan media alternatif terhadap pengambilalihan ini.

#### **1.4 Kepentingan Kajian**

Kajian ini dipercayai :

- i) Dapat menyedari pengkaji sama ada akhbar bebas dari segi liputan berita selagi masih terdapat pemilikan dan pengawalan oleh parti pemerintah.
- ii) Dapat menyedarkan masyarakat umum tentang kepentingan untuk memperjuangkan kebebasan akhbar daripada didominasi oleh parti pemerintah.
- iii) Dapat menunjukkan akhbar yang bebas daripada pemilikan parti politik akan lebih bersifat *neutral* dalam melaporkan sesuatu berita atau isu-isu semasa.
- iv) Dapat memberi kesedaran kepada masyarakat supaya bersifat lebih kritikal dalam memperlihatkan berita-berita yang dilaporkan dalam akhbar selagi akhbar tersebut masih dibawah pemilikan dan kawalan parti pemerintah.

## 1.5 Skop Kajian

Kajian ini memberi tumpuan kepada cara pemaparan berita oleh akhbar tempatan dan media alternatif tentang isu pengambilalihan *Nanyang Siang Pau* dan *China Press* oleh parti MCA dari 28 Mei 2001 hingga 30 Jun 2001. Tempoh masa ini dipilih kerana isu ini telah mula disiarkan dalam kebanyakan akhbar-akhbar tempatan pada 28 Mei 2001 sehingga keputusan EGM telah diumumkan pada 24 Jun 2001. Untuk melihat bagaimana akhbar-akhbar tempatan bereaksi terhadap keputusan EGM MCA, kajian ini dilanjutkan satu minggu untuk pemerhatian sehingga 30 Jun 2001. Kajian ini juga membandingkan bagaimana laporan berita dipaparkan oleh akhbar-akhbar tempatan yang berlainan bahasa serta perbandingan antara akhbar-akhbar yang dimiliki oleh parti pemerintah dengan media alternatif iaitu ‘akhbar Web’, *Malaysiakini.com*.

Lima media akhbar yang dipilih dalam kajian ini ialah *Nanyang Siang Pau*, *Kwong Wah Yit Poh*, *The Star*, *Utusan Malaysia* serta *Malaysiakini.com*. 5 media akhbar ini dipilih kerana *Nanyang Siang Pau* merupakan fokus utama kajian ini, *Kwong Wah Yit Poh* dipilih kerana ia masih tidak dimiliki oleh mana-mana parti politik, *The Star* dipilih kerana ianya dibawah pemilikan MCA dan *Utusan Malaysia* dipilih kerana ia dimiliki oleh parti UMNO. *Malaysiakini.com* dipilih kerana ia merupakan salah satu media alternatif yang sentiasa melaporkan berita secara kritikal.

## **1.6 Hipotesis-Hipotesis Kajian**

1. Akhbar-akhbar yang dimiliki oleh parti MCA hanya melaporkan berita yang menyokong pengambilalihan ini.
2. Akhbar Cina yang tidak dimiliki oleh parti MCA melaporkan berita ini dengan lebih menyeluruh.
3. Akhbar-akhbar yang dimiliki oleh parti pemerintah melaporkan berita yang menunjukkan sokongan kepada pengambilalihan ini.
4. *Malaysiakini.com* sebagai satu media alternatif melaporkan berita ini dengan lebih menyeluruh dan kritikal.

## BAB 2

### KERANGKA TEORITIKAL

#### 2.1 Pendekatan Ekonomi-Politik

Kajian Peter Golding & Graham Murdock (1991:14) mendapati pemilikan media sebenarnya tidak boleh lari daripada melihat kaitan media dengan ekonomi sesebuah negara, bahkan dari segi politik, sosial dan budaya. Ekonomi-politik komunikasi massa bermula dengan meninjau media massa sebagai suatu industri dan organisasi komersial yang terlibat dalam pengeluaran dan pengagihan komoditi (Murdock & Golding, 1973: 205-206). Dalam hal ini, konteks ekonomi pada peringkat global dan negara haruslah dititikberatkan dengan melihat kepada pola perubahan dalam perkembangan dasar-dasar ekonomi sesebuah negara serta implikasinya ke atas sejarah perkembangan media di negara tersebut. Selain itu, aspek politik juga harus diambil kira dalam memahami sesuatu ideologi dalam pengeluaran media massa.

Mengikut Golding dan Murdock (1991), terdapat dua kunci utama yang dapat dikaji, iaitu corak pemilikan sesebuah industri media dan implikasinya yang membawa kepada pengawalan terhadap aktiviti industri media tersebut. Pendekatan ini juga menitikberatkan keseimbangan antara korporat kapitalis dengan campur tangan awam dan paling penting sekali, ia lebih mengutamakan soalan-soalan moral tentang keadilan, keseimbangan dan kebaikan untuk masyarakat dan bukan soalan teknikal.

Lazimnya kajian tentang pemilikan media secara operasional dan kawalan allokatif sering menimbulkan beberapa persoalan seperti ‘Siapa yang mengawal organisasi media?’, ‘Dimanakah tumpuan yang akan diberi bagi organisasi media yang mengawal?’, ‘Bagaimanakah kandungan berita yang akan dibentuk dalam pengeluaran operasi harian?’ (Murdock, 1982:122). Mengikut Murdock, kawalan allokatif akan tertumpu kepada tangan pemiliknya dan kepentingannya. Terdapat 2 jenis pemilikan yang didapati iaitu pemilikan undang-undang dan pemilikan ekonomi. Kedua-dua jenis pemilikan ini akan menentukan siapa yang berkuasa untuk mengawal operasi harian koperasi yang dimilikinya.

Selain itu, kajian beliau juga menunjukkan sejak tahun 1950-an lagi, industri media di Britain telah dimiliki oleh koperasi besar untuk kepentingan tertentu. Pemilikan ini menyebabkan industri media terpaksa mengabaikan liputan berita yang lebih kritikal kerana telah dipergunakan oleh koperasi untuk mempromosikan aktiviti lain yang boleh mendatangkan keuntungan. Kaitan ini dengan aspek politik dapat membantu memahami ideologi yang wujud dalam pengeluaran media massa. (Murdock & Golding, 1973:206).

Maka, pendekatan ekonomi-politik komunikasi massa dimulakan apabila industri media dilihat sebagai suatu industri yang melibatkan diri dalam pengeluaran dan pengagihan komoditi (Murdock & Golding, 1973: 205-206). Ini bermakna perkembangan media perlu mengambil kira konteks ekonomi apabila ia menyentuh tentang keuntungan dan konteks politik juga terutamanya apabila terdapat campurtangan parti-parti politik dalam pengurusan industri media. Pandangan yang

diutarakan sememangnya berkaitan dengan objektif kajian ini yang ingin melihat implikasi pemilikan dan pengawalan akhbar-akhbar tempatan oleh parti politik, khususnya parti-parti yang dimiliki oleh pemerintah.

Kajian Margaret Gallagher (1982:164) pula menunjukkan industri media khususnya industri penyiaran di Britain mempunyai batasan untuk penyiaran beritanya kerana terpaksa di bawah pemerhatian dan penilaian kerajaan untuk memperbaharui lesen pada setiap tahun. Beliau berpendapat bahawa disebabkan hubungan yang kompleks antara institusi media dengan institusi politik yang dominan, dipercayai media massa akan membantu untuk mengukuhkan hirarki politik mereka yang dominan. Pandangan ini sebenarnya berkait rapat dengan pendekatan Marxist yang memperlihatkan proses komunikasi politik sebagai satu keadaan yang akan sentiasa memproses semula hegemoni sesuatu perhubungan sosial, khususnya untuk kelas dominan yang ingin mengekalkan kepentingan mereka.

Antonio Gramsci (1971) mengemukakan konsep hegemoni yang menjelaskan satu keadaan yang berlaku di mana kelas pemerintah ataupun golongan berkepentingan menggunakan kuasa autonomi untuk membentuk ideologi tertentu menerusi media massa dan dapat diterima secara semula jadi oleh rakyat jelata. Mengikut pandangan Gramsci, kelas dominan telah berjaya memujuk kelas lain dalam masyarakat untuk menerima nilai moral, politik dan juga budaya yang dibentuk menerusi media massa. Seperti yang dikatakan oleh Gramsci, "*though hegemony is ethical-political, it must also be economic, must necessarily be based on the decisive function exercised by the leading group in the decisive nucleus of economic activity.*"

Seperti yang dikatakan oleh Bocock (1986:37), kepimpinan hegemonik termasuklah proses memajukan konsensus dari segi intelek, moral dan juga falsafah di kalangan masyarakat yang berbilang kaum. Malahan ia perlu melibatkan dimensi emosi juga, pemimpin politik yang ingin mencapai kepimpinan hegemonik perlu mengambil perhatian perasaan rakyat dan juga tidak harus terasing daripada orang ramai. Konsep ini adalah penting dalam kajian ini untuk melihat bagaimana parti pemerintah mengekalkan hegemoni mereka melalui media massa.

Marx dan Engels (1974: 64), dalam '*The German Ideology*' juga menekankan bahawa kelas yang memiliki cara-cara penghasilan bahan pada masa yang sama juga akan menguasai kaedah pengeluaran mental, agar idea-idea mereka yang tidak mempunyai kaedah pengeluaran mental akan tunduk kepada idea kelas pemilik. Marx berpendapat pemilik industri komunikasi lazimnya terdiri daripada kelas kapitalis dan mereka akan menggunakan pengawalan dari segi pengeluaran bahan media untuk memastikan imej dan perwakilan yang dominan yang dipaparkan menyokong susunan sosial yang wujud. Secara amnya, pandangan ini benar jika dilihat dari segi sistem media di negara kita yang memang kerap kali tidak seimbang dari segi liputan berita, khususnya semasa pilihanraya diadakan. Segala berita buruk mengenai parti pemerintah ditapis ataupun tidak dibenarkan untuk disiarkan menerusi kawalan yang ada pada tangan mereka, dan sebaliknya pula bagi berita tentang pihak pembangkang.

Zaharom (1990: 151) pula menunjukkan sistem media di Malaysia adalah satu sistem dimana terdapat kewujudan dan pengekalan fenomena yang tidak sihat, iaitu fenomena pemilikan secara langsung syarikat-syarikat media massa oleh parti-parti

politik yang dominan. Pemilikan ini, menurut beliau, telah menghalang pandangan-pandangan alternatif dari memasuki secara besar-besaran ke dalam pasaran penghasilan maklumat dan pembentukan budaya. Hal ini dapat dilihat dari segi media alternatif seperti majalah *Harakah*, *Aliran* sering dikawal oleh pemerintah dalam liputan berita yang dilaporkan dan juga terpaksa memperbaharui lesen penerbitan melalui kelulusan pemerintah. Zaharom juga mengatakan seringkali terdapat kecenderungan terhadap penghasilan dan penonjolan bahan media yang ‘selamat’ --- yang tidak akan menganalisa atau mempersoalkan struktur masyarakat dan ketidakseimbangan yang wujud.

Stuart Hall (1986:8) pula berhujah bahawa **kebebasan akhbar** yang wujud dalam masyarakat adalah terhad dengan adanya pengawalan dan tekanan daripada pemilik akhbar. Beliau juga berpendapat setiap alternatif selalunya lebih menyamai daripada membezakan di antara satu sama lain ... “lebih” bermaksud lebih dalam bentuk yang sama---- satu fenomena yang bertentangan sama sekali dengan mitos pasaran bersaing dan kebebasan ... (Akibat perkembangan ini) definisi-definisi kenyataan sosial dan politik yang disediakan oleh hanya beberapa golongan kecil dan berkuasa sahaja dihasilkan dan diperkuuhkan tiap hari. Pemilik yang dominan akan menggunakan pelbagai cara dalam media massa sama ada melalui perkataan,teks,gambar, yang digabungkan dengan pelbagai teknik pemilihan, penyuntingan, rekabentuk dan sebagainya untuk membentuk makna-makna yang diterima secara semula jadi oleh kita.

Syed Arabi Idid (1996) berpendapat penakrifan tentang kebebasan akhbar dan tanggungjawabnya bergantung kepada siapa yang memberi definisi terhadapnya sama ada dari segi pihak pemerintah ataupun rakyat. Beliau telah menggunakan 2 contoh pandangan yang berbeza berkenaan dengan kebebasan akhbar. Seperti yang dikatakan oleh Menteri Kesihatan kita, Datuk Chua Jui Meng, akhbar merupakan satu hubungan antara kerajaan dan rakyat. Menerusi akhbar, orang ramai sepatutnya dapat mengetahui dan memahami polisi kerajaan dan peristiwa yang berlaku dalam negara dan luar negara. Negara kita masih mempunyai kebebasan akhbar yang memadai walaupun tidak seperti yang ada di barat (*New Straits Times*, 28 April 1996). Tetapi seorang ahli akademik, Zaharom Nain (1996) pula berpendapat media masih dibawah kawalan kerajaan yang menjadikan akhbar tidak mempunyai nilai tanggungjawab (*accountability*) kepada rakyat. Perbezaan pendapat ini menunjukkan masih terdapat jurang antara pemerintah dengan rakyat untuk memperlihatkan kebebasan akhbar.

## 2.2 Kaitan antara kuasa negara dengan media

Dalam memperlihatkan corak kawalan edaran sistem komunikasi yang tidak seimbang dalam sesuatu masyarakat, pengkaji harus mengambil kira kuasa negara yang berupaya mempengaruhi sistem media yang wujud. Sparks (1986: 84) pernah mengatakan bahawa:

“Negara dan media adalah dua daripada senjata yang digunakan oleh mereka yang memerintah kita untuk mengekal dan melanjutkan kuasa mereka. Negara ialah jentera yang digunakan untuk memaksa, media adalah jentera yang digunakan untuk memujuk. Kedua-duanya mempengaruhi satu sama lain.”

Di sini, negara yang dimaksudkan lebih merujuk kepada kerajaan ataupun pemerintah. Negara juga merupakan satu alat oleh kelas dominan untuk menindas. Dengan kata lain, pengaruh kuasa kerajaan ke atas kuasa negara dan sistem media adalah begitu besar sehingga tahap autonomi ataupun kebebasan negara dan media massa sering dikikis akibat pengaruh kuat dan tekanan besar daripada kuasa kerajaan yang tidak dapat diseimbangkan oleh kuasa perundangan dan kehakiman. ✓

Seperti yang didakwa oleh Syed Ahmad (1989:6), ‘keseimbangan kuasa telah semakin jelas memihak kepada eksekutif; kepimpinan negara di tangan PM... yang mengawal pengikut-pengikutnya melalui mekanisme sistem parti dan permaungan telah semakin menjaskan autonomi legislator.’ Penguraian ini menunjukkan Malaysia masih tidak mempraktikkan sistem pemerintahan yang demokrasi. Ini dapat dilihat menerusi Perdana Menteri kita, Dr Mahathir Mohamad, dengan kata-kata beliau terhadap wartawan-wartawan, ‘selagi institusi kewartawanan sedari bahawa ianya berpotensi untuk mengancam demokrasi dan secara sukarela menghadkan penggunaan haknya, ianya patut dibiarkan berfungsi tanpa gangguan dari kerajaan. Tetapi, apabila ianya menyalahgunakan haknya dengan mengapi-apikan rakyat, kerajaan seharusnya mempunyai hak untuk mengawalnya’ (Mahathir : 1981:19, tekanan ditambah). ✓

Pada asasnya, kata-kata beliau ini sememangnya patut dituruti, tetapi apabila wujudnya penyalahgunaan kuasa dan hak ini untuk kepentingan sendiri, maka pernyataan tersebut diragu-ragui oleh masyarakat. Ini ditambah pula Dr Mahathir yang sering membidas akhbar yang pada pandangannya adalah terlalu bebas, tidak ✓

bertanggungjawab, hanya melaporkan berita untuk memutarbelitkan pendapat umum, mementingkan berita-berita yang sensational, dan amat merbahaya kerana ia boleh mengugat kedudukan pemimpin negara.(Zaharom&Ramlil,1989:130). Di sini, apa yang dapat difahamkan Dr Mahathir tidak mempunyai pandangan yang baik terhadap wartawan kerana merasakan mereka mudah memburuk-burukkan imej beliau di kaca mata orang ramai jika berita tersebut berjaya dicungkil oleh wartawan. Beliau pernah mengatakan : ‘Di dalam sebuah dunia yang mementingkan pendapat individu, negara dan antarabangsa, kuasa sesebuah akhbar sebagai satu organisasi perdagangan adalah menakutkan. Ia boleh menjelas bukan sahaja kekayaan harta seseorang individu, kumpulan atau negara tetapi ia juga boleh memula dan mengekalkan perperangan.’

(Mahathir, 1981)

Sebenarnya terdapat sekurang-kurangnya enam jenis pengaruh negara terhadap media seperti yang didakwa oleh Sparks iaitu ‘dari segi negara menjadi penaung, penapis, pelakon, tukang urut, pembekal idea-idea yang tertentu dan di mana negara dan media berkomplot demi kepentingan mereka yang berkuasa.(Zaharom:1992:151). Dakwaan ini telah dijelaskan oleh Zaharom dalam konteks Malaysia seperti berikut:

‘Dari aspek penaung ... (d)alam kes Radio Televisyen Malaysia (RTM), yang sememangnya satu jabatan dalam kementerian Penerangan, kerajaan menyediakan peruntukan wang untuk pentadbirannya. Dari segi badan penyiaran lain yang mungkin memasuki pasaran, kerajaan menyediakan peraturan-peraturan tertentu supaya

saingan terhadap RTM adalah terhad. Penaungan secara positif yang lain termasuklah perletakan iklan-iklan kerajaan dalam media.

--- menjadi pelakon utama ... hampir semua upacara yang dihadiri PM atau ahli Kabinet dilaporkan oleh media massa ... berkait rapat dengan norma media massa yang menekankan perubahan dan pembangunan... pandangan rasmi sahaja yang dilaporkan dan ditekankan.

Upacara, Pandangan Rasmi

... menjadi tukang urut media. Hampir semua institusi negara, terutama agensi-agensi kerajaan, mempunyai jabatan perhubungan awamnya atau menyediakan jurucakap mereka. ... "Tiap kerajaan ingin menguruskan berita : untuk memperbesarkan yang baik dan memperkecilkan yang buruk dan memperbaiki imej PM".

... dari segi penyediaan idea, corak pemikiran atau ideologi tertentu untuk diagungkan dan diperjuangkan oleh media massa ... bukanlah idea-idea spesifik tentang sesuatu tindakan negara atau kerajaan. Sebaliknya, ia bermaksud pemikiran asas yang disediakan oleh negara yang ingin dijadikan pemikiran umum (*common sense*) untuk semua masyarakat. Sebagai contoh, "ketuanan Melayu" yang kerap kali ditekankan dalam jangka masa pilihan raya 1990.

... sebagai penapis ... negara campur tangan dan menghalang penerbitan, penyiaran atau penyebaran sesuatu maklumat yang telah diterima oleh media ... (dan) menyembunyikan maklumat daripada masyarakat umum, kononnya, demi kepentingan atau keselamatan rakyat ... maklumat tersebut hanya perlu didefinisikan

sebagai "rahsia rasmi" oleh kerajaan dan akan diselindungi di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972 (Pindaan 1986).

Akhirnya negara juga berkomplot dengan media untuk menyediakan gambaran-gambaran yang tertentu untuk masyarakat. Pandangan ini bertentang dengan andaian bahawa media di Malaysia merupakan "*Fourth Estate*" ... corak pemilikan dan penguasaan media di Malaysia, menghasilkan lembaga-lembaga pengarah dan pengurus-pengurus tertinggi yang berkait rapat dengan golongan-golongan yang berkuasa di peringkat ekonomi dan politik. (Zaharom, 1992:152-153)

Huraian ini menunjukkan hubungan rapat antara kuasa negara dan media yang dipengaruhi oleh kuasa pemerintah.

### 2.3 Kajian-kajian lepas

#### Kajian terhadap Pilihanraya 1959 & 1964

Sehingga kini, jarang terdapat kajian lepas yang pernah menjalankan penyelidikan yang merinjau terhadap isu pengambilalihan akhbar oleh parti politik. Namun jika dilihat dalam konteks Malaysia, terdapat pelbagai kajian yang telah dijalankan untuk melihat cara pemaparan liputan berita oleh akhbar-akhbar tempatan tentang isu pilihanraya umum. Apa yang dapat dilihat ialah sejak bermulanya pilihanraya yang pertama pada tahun 1959, terdapat ketidakseimbangan dalam liputan berita yang diberikan oleh akhbar tempatan yang lebih menyokong kepada parti Barisan Nasional (pada masa itu dikenali sebagai Parti Perikatan).

Daripada kajian-kajian yang telah dijalankan oleh Abdul Latiff Abu Bakar (1998) terhadap Pilihanraya 1959 dan 1964 yang meninjau dari segi liputan berita, rencana pengarang di akhbar Utusan Melayu telah menunjukkan akhbar ini cenderung melaporkan lebih banyak berita yang bersumberkan Parti Perikatan dan rencana pengarang yang lebih menyokong parti tersebut. Semasa Pilihanraya pada tahun 1959, *Utusan Melayu* telah menyediakan sebanyak 95 berita tentang parti-parti politik iaitu Perikatan (58), PAS (10) dan parti-parti lain(16). Jika dilihat dari segi jumlah kekerapan berita juga, parti Perikatan merupakan parti yang paling banyak mendapat liputan iaitu sebanyak 86%. *Utusan Melayu* juga melaporkan liputan berita yang positif terhadap parti ini (122) jika meninjau dari segi tema berita yang disiarkan. Manakala bagi parti pembangkang, *Utusan Melayu* lebih banyak menyiarkan berita-berita yang negatif dan kritikal terhadap parti tersebut (72%). Antara parti-parti pembangkang, parti PAS yang mendapat paling banyak mendapat liputan berita negatif (47.2%).

Walaupun akhirnya PAS berjaya dalam undianya di negeri Kelantan dan Terengganu, namun *Utusan Melayu* cuba melaporkan berita yang negatif tentang pemimpinnya. Mereka dituduh menggunakan agama sebagai alat politik dan mengamalkan dasar perkauman. Tema-tema yang berbunyi ‘Orang kuat PAS keluar daripada partinya kerana tidak puas hati dengan pemilihan calon’, ‘PAS gempar calonnya menarik diri di kawasan Kapar, Selangor, calon dan wakil-wakilnya tidak balik-balik rumah’ yang dilaporkan oleh *Utusan Melayu* semata-mata untuk menjatuhkan imej PAS di kalangan orang Melayu. (*Utusan Melayu*, 25-28 Julai 1959).

Begitu juga semasa pilihanraya 1964, keadaan yang sama turut berlaku jika ditinjau dari segi liputan berita yang diberikan oleh *Utusan Melayu* terhadap parti-parti politik. Parti Perikatan telah mendapat paling banyak liputan berita (80.2%) berbanding dengan parti-parti pembangkang (19.8%). Antara parti-parti pembangkang, Parti Tindakan Rakyat (PAP) pula yang mendapat perhatian daripada *Utusan Melayu* walaupun ini merupakan kali pertama parti ini bertanding. Namun demikian, jika dilihat dari segi kekerapan liputan berita yang memberi kritikan terhadap parti-parti pembangkang, didapati parti PAS masih merupakan sasaran utama Perikatan untuk mengemukakan kritikan(40%). Ini dapat dilihat terutamanya dari segi penonjolan terhadap tema-tema yang disiarkan, contohnya ‘PAS parti agen Sukarno’, ‘revolusi bersenjata’, ‘PAS pro-Indonesia’ dan sebagainya semata-mata untuk menunjukkan PAS sebagai sebuah parti yang terlibat secara langsung dan bersikap pro-Indonesia serta cuba menghancurkan sistem demokrasi di Malaysia.

### Kajian Terhadap Pilihanraya 1986

Kajian tentang Pilihanraya 1986 oleh Syed Arabi Idid dan Safar Hashim (1993) juga menunjukkan akhbar-akhbar tempatan memberi liputan yang lebih positif dan menyokong parti-parti pemerintah manakala parti pembangkang mendapat liputan yang lebih negatif. Contohnya, hasil kajian menunjukkan hampir 62.2% daripada berita yang disiarkan dalam *Berita Harian* memaparkan berita positif terhadap parti pemerintah. Kebanyakan berita juga bersumberkan Parti BN iaitu sebanyak 76.1% menunjukkan akhbar-akhbar tempatan memberi tumpuan kepada BN untuk mendapat maklumat bagi dijadikan bahan berita. Namun demikian, kajian ini juga